

Kurangkan gula, amalkan pemakanan sihat: PM Anwar

Malaysia antara negara catat kadar diabetes tertinggi di Asia

BUTTERWORTH: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru rakyat supaya mengurangkan pengambilan gula memandangkan Malaysia antara negara yang mencatat kadar diabetes tertinggi di Asia.

Beliau berkata, tabiat pemakanan tidak sihat khususnya pengambilan gula yang tinggi menjadi antara punca utama peningkatan masalah kesihatan awam, sekali gus memberi tekanan kepada sistem perubatan negara.

“Penggunaan gula di Malaysia ini antara tertinggi di Asia. Kerajaan membelanjakan sejumlah besar untuk perubatan tetapi amalan pemakanan sihat perlu diperkukuh agar rakyat tidak terdedah kepada pelbagai penyakit,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran blok baharu Hospital Seberang Jaya di Perai semalam.

Anwar berkata, kempen kesedaran mengenai pengurangan gula perlu dipertingkatkan termasuk melalui penyediaan pilihan makanan dan minuman yang lebih sihat di hospital serta premis kerajaan.

Beliau juga mencadangkan supaya minuman bergula dikurangkan di semua hospital, selain jamuan rasmi kerajaan turut disediakan



UNTUK KENANGAN: Anwar bergambar bersama para petugas Hospital Seberang Jaya di Butterworth, semalam. Turut sama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Hanifah Hajar Taib. — Gambar Bernama

“Penggunaan gula di Malaysia ini antara tertinggi di Asia. Kerajaan membelanjakan sejumlah besar untuk perubatan tetapi amalan pemakanan sihat perlu diperkukuh agar rakyat tidak terdedah kepada pelbagai penyakit.”

Datuk Seri Anwar Ibrahim
Perdana Menteri

dengan kandungan gula minimum sebagai langkah mendidik masyarakat.

Selain itu, beliau berkata hospital dan klinik juga wajar memainkan peranan lebih

aktif dengan memaparkan poster serta mesej kesihatan yang jelas bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang bahaya pengambilan gula secara berlebihan.

Mengenai blok baharu Hospital Seberang Jaya, Perdana Menteri berkata ia penambahan penting bagi memperkukuh kapasiti perkhidmatan kesihatan di Seberang Perai dan kawasan sekitar, sekali gus mencerminkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan mutu rawatan lebih berkesan, segera dan dekat dengan rakyat. — Bernama